

# Ahli2 Umno diajak banteras perbuatan fitnah

Laporan: AZIZ HASSAN, ZAINUDDIN AYIP, BUSTAMAM AHMAD, AHMAD PUAD ONAH, JAMALUDDIN ABU BAKAR, MAIZAM A. SANI dan HANIZAM ABDULLAH  
Gambar2: M. ARIFF, M. YUSOF, OTHMAN YAACOB dan ABDUL RAHIM HASHIM

**PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengajak ahli-ahli membanteras perbuatan fitnah-memfitnah kerana la amalan keji yang buruk kesannya.**

Katanya, perbuatan fitnah-memfitnah tidak harus dibiarkan menjadi tabiat dan amalan masyarakat kita yang mahu kebahagiaan.

"Umno sebagai teras pembimbing masa depan negara yang bahagia, harus mengikiskannya dari masyarakat kita," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-34, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang mengulas panjang lebar mengenai isu ini menyatakan bahawa perbuatan keji itu berleluasa di kalangan masyarakat dan juga menjadi tabiat setengah-tengah ahli serta penyokong Umno.

Katanya, beliau menimbulkan masalah fitnah-memfitnah ini kerana ia memberi kesan buruk dalam sesebuah negara demokrasi.

Melalui fitnah, katanya, kepercayaan rakyat terhadap dasar dan kepimpinan akan musnah dan masyarakat, malah negara boleh hancur.

"Asyik dengan mendengar dan membisik fitnah dan menyebarkan risalah, tidak ada satu pun rancangan yang boleh berjaya dan akhirnya rakyat sendiri yang akan menderita dan mungkin negara akan tergedai," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mendedahkan cerita kononnya orang Jepun dan Korea menyogok duit kepada orang-orang tertentu yang amat popular.

Begitu juga cerita seo-

## KUALA LUMPUR, Jumaat

rang menteri kurus yang kononnya berkahwin seorang lagi, tetapi selepas beliau beraura tidak ada cerita mengenainya. Begitu juga mengenai cerita menteri dari negeri Hang Tuah, bermacam-macam risalah diedar dan kemudian didapati cerita menarik itu tidak benar sama sekali.

Sambil disambut gelak ketawa, Perdana Menteri menambah, walaupun cerita-cerita dahulu adalah fitnah belaka, tetapi kalau ada cerita baru, kita tidak menolak.

"Fitnah bukan terhad kepada rasuah semata-mata, bahkan membujuk orang lain dengan bermacam fitnah yang dilemparkan, termasuk berkahwin sekali lagi atau mempunyai simpanan, selalu minum arak, suka mengojar isteri orang dan lain-lain," disambut gelak ketawa sekali lagi.

Begitu juga, katanya, beberapa penuntut kita di Eropah dan Amerika yang suka melampar fitnah terhadap kerajaan yang kononnya dianggotai oleh orang yang selalu mabuk, lalu arak dan sebagainya.

Bila tuduhan ini dilemparkan, tambahnya, gambaran yang diukir ialah anggota kerajaan ini sepanjang masa,

kata orang Kedah "mabuk tunggang-langgang".

Malahan, mereka sanggup memanggi kerajaan ini kerajaan sayatan, lalu sama dengan kerajaan Shah di Iran.

Beliau mengkritik mereka yang suka memamerkan keislaman mereka dalam bentuk percakapan, pakalan dan desakan mereka kepada masyarakat dan kerajaan, tetapi orang yang sama tidak segan-segan dan tidak takut kepada Tuhan sama sekali bila melemparkan fitnah.

Katanya, tanda tanya yang timbul ialah sama ada kita sedang melihat kebangkitan Islam semula atau apa yang sedang berlaku ialah semata-mata dan sebenarnya umat Islam adalah lebih sesat sekarang dari dahulu.

Hagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan tuduhan rasuah itu benar.

Katanya, memang rasuah berlaku di negara ini, tetapi tuduhan yang dibuat dan bukti yang diberikan kepada badan yang ditugaskan untuk membanteras rasuah, iaitu Badan Pencegah Rasuah (BPR), adalah berbeza dengan fitnah yang dilepaskan dan disebar di merata tempat.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia